

ANALISIS PERLAKSANAAN SIASAH SYAR'IYYAH
DI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN,
JABATAN UNDANG-UNDANG,
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA),
KAJIAN DARI TAHUN 1997 HINGGA 2000.

KHAIRUL FAEZI BIN MOHD SAID

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
BAHAGIAN II
(SECARA KURSUS DAN DISERTASI)

Perpustakaan Universiti Malaya



A510986320

JABATAN SIASAH SYAR'IYYAH
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2002

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan satu aspek penganalisaan terhadap perlaksanaan *Siyāsah Syar'iyyah* khususnya di sebalik tindakan-tindakan penguatkuasaan oleh badan penguat kuasa. Tugas-tugas penguatkuasaan yang dijalankan oleh suatu badan tertentu merupakan satu fenomena biasa di dalam sistem pentadbiran Islam. *Siyāsah Syar'iyyah* merupakan satu kaedah yang diperkenalkan oleh Islam bagi melicin dan memandu perjalanan pentadbiran sesebuah negara di mana ia menyediakan garis panduan yang mesti diikuti oleh pihak pentadbir bagi memastikan segala dasar, polisi, peraturan dan tindakan-tindakan kerajaan benar-benar mengikuti lunas-lunas Syariah. Secara umumnya, kajian ini ingin melihat secara objektif sejauh mana asas-asas *Siyāsah Syar'iyyah* telah diambil kira di dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan oleh Bahagian Penguat kuasa, Jabatan Undang-Undang Majlis Bandaraya Shah Alam yang telah diamanahkan oleh pihak pemerintah menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan. Di samping itu kajian ini juga bertujuan membuat penilaian terhadap tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dilakukan itu bertepatan atau tidak dengan kehendak-kehendak *Siyāsah Syar'iyyah* sebagai salah satu kaedah pemerintahan dan pentadbiran mengikut kehendak Islam.

ABSTRACT

This thesis discusses on an aspect of analysis on the enforcement of “*Siyāsah Syar'iyyah*” specifically behind the enforcement actions taken by the enforcement board. Enforcement duties that are carried out by particular board is a normal phenomenon in Islamic Administration System. “*Siyāsah Syar'iyyah*” is a method introduced by Islam to ease and guide the administration process of a country in which it provides guidelines that must be followed or obeyed by the administrator to ensure that all policies, laws and action taken by the government really abide by the Syariah Rules. In general, this survey is to look objectively how far this basic “*Siyāsah Syar'iyyah*” have been taken into account by Bahagian Pengurusan, Jabatan Undang-Undang Majlis Bandaraya Shah Alam that have been given the duties by the government in enforcing the laws and regulation when performing their duties. Besides that, the objective of this thesis is to make an evaluation whether the enforcement actions that have been carried out really abide by or not to the “*Siyāsah Syar'iyyah*” rules as one of the administration method required by Islam.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah Taala kerana di atas limpah kurniaNya maka penulis dapat menyiapkan disertasi ini tanpa ada halangan yang boleh mengganggu kelincinan penulisan ini. Tiada apa yang diharap selain dari segala usaha ini mendapat ganjaran dan keredhaanNya.

Sekalung penghargaan dan penghormatan kepada Yang Amat Dihormati Encik Mohd Zaidi bin Abd Rahman selaku Penyelia yang banyak meluangkan masa, tenaga dan buah fikiran bagi membantu penulis menyiapkan disertasi ini. Begitu juga kepada semua pensyarah di Jabatan Siasah Syar‘iyyah dan seluruh warga akademik kerana telah mencerahkan ilmu dan pandangan mereka sepanjang pengajian penulis di APIUM.

Buat kedua ibu bapa yang telah banyak berkorban dan berjasa semoga Allah akan membalas segala amalan mereka dengan syurgaNya. Terimakasih yang tidak terhingga kepada isteri yang tersayang Liza dan anak-anak Khairul Ezzaty dan Khairul Hafizi yang sentiasa memahami kesibukan penulis di dalam menyiapkan disertasi ini dan sentiasa bersabar kerananya. Semoga Allah membalasnya, insya Allah.

Terima kasih tidak terhingga juga kepada adik-adik penulis dan seluruh ahli keluarga di Selangor dan Terengganu terutamanya kepada kedua ibu bapa mertua yang turut sama memberi sokongan moral kepada penulis. Tanpa sokongan mereka ini belum tentu penulis berjaya menyelesaikan tugas ini.

Tidak lupa juga kepada Prof. Madya Dr. Mujaini Tarimin selaku Ketua PPI. UiTM dan seluruh kakitangan PPI UiTM Shah Alam kerana sokongan mereka ini memberi banyak kekuatan kepada penulis. Begitu juga terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada pegawai-pegawai MBSA yang begitu banyak memberi kerjasama dan bantuan kepada penulis di dalam menyalurkan maklumat-maklumat yang diperlukan terutamanya Encik Zaini Md. Noor dan Tuan Abdul Hakim Bin Mahmud kerana tanpa bantuan dari mereka berdua sudah tentu penulisan ini tidak dapat dilakukan dengan jayanya.

Akhir sekali penulis mengharapkan semoga penulisan disertasi ini akan memberi sedikit sebanyak ilmu dan pengetahuan kepada mereka yang membacanya dan juga harapan agar usaha penulis ini dapat menyumbang ke arah perlaksanaan Islam sepenuh di dalam sistem pentadbiran Negara Malaysia yang tercinta. Insya-Allah Taala.

KHAIRUL FAEZI BIN MOHD SAID
Pusat Pendidikan Islam
Tingkat 11 Bangunan Menara SAAS
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
40450 Shah Alam
Selangor.

No 6, Jalan 17 / 26
Seksyen 17
40200 Shah Alam

DAFTAR ISI

KANDUNGAN	HALAMAN
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
DAFTAR ISI	vi
JADUAL TRANSLITERASI	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
PENDAHULUAN	xiv

BAB 1 : KONSEP SIYĀSAH SYAR'IYYAH DAN PELAKSANAANNYA DALAM PENTADBIRAN.

1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 DEFINISI SIYĀSAH SYAR'IYYAH	1
1.1.1 <i>Siyāsah</i> Dari Sudut Bahasa	1
1.1.2 Syariah Dari Sudut Bahasa	4
1.1.3 <i>Siyāsah Syar'iyyah</i> Menurut Istilah	5
1.1.3.1 <i>Siyāsah Syar'iyyah</i> Sebagai Kaedah Pentadbiran Islam	6
1.1.3.2 <i>Siyāsah Syar'iyyah</i> sebagai Kaedah Penentuan Hukum	11

1.2 SIYĀSAH SYAR'IYYAH SEBAGAI MEKANISME PENTADBIRAN ISLAM	
1.2.1 Dalil-Dalil Pemakaian <i>Siyāsah Syar'iyyah</i>	14
1.2.1.1 Dalil-Dalil Dari Al-Quran	14
1.2.1.2 Dalil-Dalil Dari Al-Sunnah	18
1.3 PANDANGAN ULAMA TENTANG PEMAKAIAN SIYĀSAH SYAR'IYYAH	19
1.3.1 Syarat-Syarat Pemakaian <i>Siyāsah Syar'iyyah</i>	22
1.3.2 Kaedah-Kaedah Pemakaian <i>Siyāsah Syar'iyyah</i>	28
1.3.2.1 Kaedah-Kaedah <i>Ijtihād</i> Di Dalam <i>Siyāsah Syar'iyyah</i> :	29
Kaedah Pertama : <i>Masālih Mursalah</i>	29
Kaedah Kedua : <i>Sadd Az-Zarā'i</i>	39
Kaedah Ketiga : <i>Istihsān</i>	44
1.3.2.2 <i>Maqāsid Syarī'ah</i> Dan Pemakaiannya Di Dalam <i>Siyāsah Syar'iyyah</i>	50
1.4 MEMAHAMI KEUTAMAAN DI DALAM PELAKSANAAN SIYĀSAH SYAR'IYYAH	54
1.5 KESIMPULAN	64

BAB 2 : INSTITUSI PENGUAT KUASA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARI SISTEM PENTADBIRAN ISLAM

2.0 PENDAHULUAN	66
2.1 KEPENTINGAN BADAN PENGUAT KUASA DI DALAM SISTEM PENTADBIRAN ISLAM	66
2.1.1 Merealisasikan Pengabdian Kepada Allah	67
2.1.2 Memelihara Masyarakat Dari Azab Allah	68
2.1.3 Memelihara Masyarakat Dari Maksiat Yang Berleluasa	69

2.1.4 Mengekalkan Keamanan Dan Keharmonian	70
2.1.5 Meninggikan Martabat Manusia	70
2.2 INSTITUSI HISBAH SEBAGAI ORGAN PENGUAT KUASA	71
2.3 DEFINISI HISBAH	72
2.3.1 Dari Segi Bahasa	72
2.3.2 Dari Segi Istilah	72
2.4 DALIL-DALIL HISBAH	73
2.4.1 Dalil-Dalil Al-Quran	73
2.4.2 Dalil-Dalil Al-Sunnah	74
2.5 RUKUN-RUKUN DAN SYARAT-SYARAT HISBAH	76
2.5.1 <i>Muhtasib</i>	77
2.5.2 <i>Muhtasab 'Alaih</i>	80
2.5.3 <i>Muhtasab Fih</i>	80
2.5.4 <i>Ihtisāb</i>	81
2.6 INSTITUSI HISBAH SEBAGAI PELAKSANA SIYĀSAH SYAR'IYYAH	83
2.7 PERLAKSANAAN SIYĀSAH SYAR'IYYAH DALAM BIDANG PENGUATKUASAAN	84
2.8 KESIMPULAN	90

**BAB 3 : ANALISIS PELAKSANAAN SIYĀSAH SYAR'IYYAH DI
BAHAGIAN PENGUAT KUASA, JABATAN UNDANG-UNDANG
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM DARI TAHUN 1997
HINGGA TAHUN 2000**

3.0 PENGENALAN	92
3.1 PENUBUHAN MBSA	93
3.2 ORGANISASI MBSA	95

3.3 BAHAGIAN PENGUAT KUASA, JABATAN UNDANG-UNDANG MBSA	
3.3.1 Undang-Undang Yang Terpakai	99
3.3.2 Perlaksanaan Tugas Penguinkuasaan	101
3.3.3 Operasi Bahagian Penguin kuasa	102
3.3.4 Unit-Unit Di Bahagian Penguin kuasa	103
3.4 ANALISIS PELAKSANAAN <i>SIYĀSAH SYAR'IYYAH</i> TERHADAP AKTIVITI-AKTIVITI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DARI TAHUN 1997 HINGGA TAHUN 2000	104
3.4.1 Aktiviti Unit-Unit Penguinkuasaan	105
3.4.1.1 Pentadbiran	105
3.4.1.2 Komputer	106
3.4.1.3 Stor Dan Peralatan	107
3.4.1.4 Motosikal	108
3.4.1.5 Penjaja	109
3.4.1.6 Gerai	117
3.4.1.7 Halangan Dan Kenderaan Buruk	121
3.4.1.8 Iklan	122
3.4.1.9 Setinggan Dan Binaan Haram	124
3.4.1.10 Kediaman Dijadikan Kedai	127
3.4.1.11 Projek Pembangunan Dan Rumah Kongsi	128
3.4.1.12 Hiburan Dan Aduan Awam	129
3.4.1.13 Kebersihan Dan Pencemaran	132
3.4.2 Pemeriksaan Tahunan	133
3.4.3 Masalah Yang di Hadapi Dan Penyelesaiannya	135
3.5 KESIMPULAN.	140

BAB 4 : RUMUSAN, SARANAN DAN PENUTUP

4.0 PENDAHULUAN	144
4.1 RUMUSAN	144
4.1.1 Hubungan <i>Siyāsah Syar'iyyah</i> Dengan Pemerintahan	145
1. Menjamin Kelicinan Pentadbiran Negara	145
2. Mengukuhkan Kestabilan Politik Dan Pemerintahan	146
3. Merupakan Metode Dakwah Dalam Sistem Pemerintahan	147
4. Bukti Islam Sebagai Cara Hidup	147
4.1.2 Pengaplikasian Asas-Asas <i>Siyāsah Syar'iyyah</i> Di Dalam Tindakan-Tindakan Bahagian Penguat kuasa MBSA	148
1. Mewujudkan Kemaslahatan	148
2. Menghindarkan Kemudarat	150
4.1.3 Bentuk-Bentuk Tindakan Penguatkuasaan	150
1. Tindakan Berbentuk Pencegahan	150
2. Tindakan Berbentuk Pendidikan	151
3. Tindakan Berbentuk Hukuman	152
4. Tindakan Sebagai Peringatan	153
4.1.4 Persamaan Antara Bahagian Penguat kuasa MBSA Dengan Institusi <i>Hisbah</i>	154
1. Penggunaan Budi bicara	154
2. Peringkat-Peringkat Tindakan	154
3. Skop Penguatkuasaan	155
4.2 SARANAN	156
4.3 PENUTUP	159
BIBLIOGRAFI	161

JADUAL TRANSLITERASI

Transliterasi ini berpandukan Buku Panduan Penulisan Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi (2001), terbitan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ء	: a, ’	م	: m
ب	: b	ن	: n
ت	: t	ه	: h
ث	: th	و	: w
ج	: j	ي	: y
ح	: h	ة	: h
خ	: kh		
د	: d	Vokal Panjang	
ذ	: dh	آ	: á
ر	: r	و	: ú
ز	: z	ى	: í
س	: s		
ش	: sy	Vokal Pendek	
ص	: s	ـ	(fathah) a
ض	: d	ـ	(dammah) u
ط	: t	ـ	(kasrah) i
ظ	: z		
ع	:	Diftong	
غ	: gh	أو	: aw
ف	: f	أي	: ay
ق	: q	ـيـ	: iy/i
ك	: k	ـوـ	: uw/w
ل	: l		

SENARAI SINGKATAN

bil.	Bilangan
cet.	Cetakan
CD	Compact Disc
Dr.	Doktor
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
ed.	Edisi
FINAS	Lembaga Perfileman Nasional
hlm.	Halaman
jil.	Jilid
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
JKKK	Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MPSA	Majlis Perbandaran Shah Alam
MAB	Malaysia Airport Berhad
no.	Nombor
pnyt.	Penyunting
ptrj.	Penterjemah
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PKNS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
SUKMA	Sukan Malaysia

s.a.w	Salla Allah ‘Alayhi wa al-Sallam
s.w.t	Subhanahu wa Ta‘ala
t.t.	Tanpa tarikh
t.pt.	Tanpa penerbit
t.th.	Tanpa tahun
t.tp.	Tanpa tempat
thq.	Tahqiq
terj.	Terjemahan
TNB	Tenaga Nasional Berhad
VCD	Video Compact Disc

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Menjalankan urusan pentadbiran merupakan salah satu tugas dan amanah yang harus dilaksanakan oleh pihak pemerintah. Melaksanakan amanah ini bukan semata-mata untuk memenuhi keperluan rakyat tetapi ia juga menjadi sebahagian dari tuntutan agama. Bagi tujuan menjalankan urusan pentadbiran dan pemerintahan, Islam telah menggariskan ketetapan yang boleh dijadikan panduan. Walau bagai mana pun , ketetapan-ketetapan tersebut didatangkan dalam prinsip-prinsip yang umum. Dari prinsip-prinsip yang umum inilah seharusnya pihak pemerintah melaksanakan urusan pemerintahan dan pentadbiran mereka agar tidak terkeluar dari norma-norma yang sepatutnya.

Pentadbiran sesebuah kerajaan bukan semata-mata mengambil kira soal-soal jenayah yang harus dicegah dengan menguatkuasakan segala bentuk sistem perundangan, tetapi persoalan-persoalan lain khususnya dalam aspek-aspek yang menyentuh kebijakan, keamanan dan keharmonian rakyat juga wajib diambil kira. Inilah yang dinamakan pentadbiran yang berdasarkan *Siyāsah Syar'iyyah*. Pentadbiran sesebuah kerajaan perlu mengambil kira segala aspek terutama sekali yang menyentuh tentang kebijakan rakyatnya kerana mereka merupakan pelanggan utama bagi sebuah negara. Justeru itu, berbagai-bagai langkah telah diambil oleh pihak pemerintah dalam usaha untuk mewujudkan kebijakan kepada rakyatnya dengan menubuhkan organisasi-organisasi tertentu bagi membantu pihak berkuasa melicinkan lagi jentera pentadbirannya.

Perkembangan sistem pemerintahan moden memperlihatkan kepada kita betapa perubahan dalam bentuk pentadbiran perlu dilakukan bagi menangani permasalahan-permasalahan yang mungkin timbul akibat dari aktiviti-aktiviti yang semakin maju di kalangan rakyat. Ini berlaku kerana rakyat terpaksa berlumba-lumba untuk mengejar tuntutan hidup yang semakin mencabar dan penuh persaingan. Akibat dari fenomena ini, maka timbulah berbagai-bagai aktiviti dan tindakan mereka yang perlu dibatasi agar ianya tidak menafsi dan menceroboh hak-hak orang lain. Atas alasan inilah maka pihak pemerintah mewujudkan satu badan yang berperanan untuk mentadbir, menguatkuasakan peraturan serta mengenakan tindakan kepada mereka yang melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang sedia ada.

Persoalan yang timbul di sini ialah apakah benar aktiviti-aktiviti penguatkuasaan oleh organisasi yang dilantik oleh pihak pemerintah tidak termasuk di dalam tuntutan syarak ? Apakah tindakan-tindakan mereka boleh dianggap memenuhi prinsip-prinsip *Siyāsah Syar'iyyah* di dalam sistem pentadbiran Islam ? Persoalan-persoalan inilah yang cuba dikaji oleh penulis dengan memilih tajuk **Analisis Perlaksanaan Siyāsah Syar'iyyah di Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Undang-Undang MBSA, Kajian Dari Tahun 1997 Hingga 2000.**

Penulis memilih Bahagian Penguat kuasa MBSA sebagai bahan kajian kerana ianya merupakan satu-satunya Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir sebuah bandaraya yang majoriti penduduknya beragama Islam.

Kepentingan Kajian

Penyelidikan tentang pengaplikasian konsep *Siyāsah Syar'iyyah* di dalam bidang penguatkuasaan merupakan satu usaha penulis untuk melihat sejauh mana pemakaian teori-teori *Siyāsah Syar'iyyah* di dalam urusan pentadbiran MBSA. Untuk menentukan suatu tindakan itu berdasarkan kaedah *siyāsah*, ia memerlukan satuuraian yang mendalam terhadap isu-isu yang berkaitan dengan konsep *Siyāsah Syar'iyyah* sebagaimana yang dibincangkan oleh ulama dan cendekiawan Islam. Ini terpaksa dilakukan bagi memberi gambaran yang menyeluruh tentang kerangka teori *Siyāsah Syar'iyyah* supaya masyarakat lebih faham dan jelas agar kekeliruan dan pandangan sempit mereka tentang kemampuan Islam sebagai satu sistem yang mengatur cara hidup manusia.

Akibat dari pemahaman yang sempit dan cetek tentang sistem pentadbiran Islam, satu gambaran yang negatif telah lahir di kalangan masyarakat dengan mereka beranggapan bahawa Islam hanyalah satu agama yang hanya membawa petunjuk kepada kebahagiaan manusia di akhirat sedangkan segala urusan kehidupan sehari-hari manusia terserah kepada mereka untuk menentukannya tanpa ada dasar-dasar atau polisi-polisi yang dianjurkan oleh Islam. Hal ini menjurus kepada dakwaan yang mengatakan Islam sebagai satu agama yang membimbing manusia ke arah pengabdian dalam bentuk *ritual* dan mengabaikan persoalan-persoalan serta kepentingan sesama manusia di dalam urusan sehari-hari mereka.

Dengan membawakan perbincangan yang berkisar tentang teori *Siyāsah Syar'iyyah*, maka ia akan membantu penulis di dalam pengkajian seterusnya iaitu

menilai sejauh mana tindakan-tindakan badan penguat kuasa menepati atau bertentangan dengan kehendak *Siyāsah Syar'iyyah*. Ini mungkin dapat memadamkan persepsi masyarakat tentang kemampuan sistem politik dan pentadbiran Islam dalam mengatur urusan kehidupan manusia di dunia bagi merealisasikan tuntutan mewujudkan hubungan sesama manusia (جبل من الناس).

Dengan ini penulis merasakan satu kajian perlu dilakukan bagi mendapatkan gambaran yang sebenar di sebalik tindakan pihak pemerintah di dalam penguatkuasaan undang-undang dan peraturan bagi melicinkan lagi urusan pentadbiran mereka menepati dengan kehendak *Siyāsah Syar'iyyah* atau tidak.

Skop Kajian

Ruang lingkup kajian ini berkisar kepada teori-teori *Siyāsah Syar'iyyah* dan model badan penguat kuasa di dalam Islam yang akan dijadikan perbandingan dan bahan penganalisisan terhadap badan penguat kuasa yang dipilih sebagai bahan kajian. Penulis telah memilih Bahagian Penguat kuasa, Majlis Bandaraya Shah Alam sebagai bahan kajian kerana ianya mewakili badan-badan penguat kuasa yang lain di dalam negara sebagai salah satu organ pentadbiran yang mengendalikan urusan-urusan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan semasa di dalam negara. Analisis hanya ditumpukan kepada aktiviti-aktiviti penguatkuasaan sepanjang empat tahun (1997 hingga 2000) dengan tidak mengambil kira statistik-statistik yang ada untuk dibuat analisis.

Bagi memastikan kajian mencapai objektifnya, penulis cuba membawa perbincangan tentang konsep *Siyāsah Syar'iyyah* dan kaitannya dengan urusan pentadbiran dan penentuan hukum. Ianya bertujuan memudahkan penulis membuat perbandingan dan analisis terhadap aktiviti-aktiviti penguatkuasaan. Di samping itu perbincangan tentang Institusi *Hisbah* sebagai sebuah model badan penguatkuasaan di dalam pentadbiran Islam pula bertujuan membuktikan bahawa badan penguatkuasaan adalah sebahagian dari jentera pentadbiran sesebuah negara.

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk memenuhi beberapa objektif yang telah ditetapkan iaitu :

1. Untuk menjelaskan konsep dan keunggulan *Siyāsah Syar'iyyah* yang sebenar, keperluan pemerintah Islam kepada perlaksanaannya dan kemampuannya dalam menyelesaikan permasalahan yang terdapat dalam kehidupan manusia, dengan itu ia dapat menolak kekeliruan dan salah faham masyarakat terhadap konsep dan penerimaan *Siyāsah Syar'iyyah* dalam pemerintahan dan pentadbiran kerana masyarakat beranggapan tiada nas-nas syarak secara terperinci yang menyentuh hal-hal yang berhubungan kait dengannya.
2. Untuk mengetahui bentuk-bentuk tindakan dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Bahagian Penguat kuasa MBSA dalam usaha

- menguatkuasakan Udang-Undang dan Peraturan-Peraturan Kecil yang diluluskan oleh pihak Majlis dan Badan Perundangan dan sama ada ianya memenuhi konsep *Siyasah Syar'iyyah* atau tidak
3. Untuk mengenal pasti sekiranya ada terdapat tindakan-tindakan penguatkuasaan yang bertentangan dengan konsep *Siyasah Syar'iyyah* yang boleh membawa kepada ketidakadilan dan kezaliman kepada masyarakat awam. Justeru itu cadangan-cadangan tertentu akan dikemukakan bagi memastikan ianya selari dengan tuntutan *Siyasah Syar'iyyah*.
 4. Memberi panduan kepada pihak pemerintah atau pihak berkuasa tempatan khususnya agar mampu melaksanakan *Siyasah Syar'iyyah* dalam pemerintahan dan pentadbiran mereka sekarang atau yang akan datang bagi membentuk masyarakat yang produktif, berdaya maju dan mampu menghadapi cabaran dan dugaan yang mendatang.
 5. Untuk melihat adakah Bahagian Penguat kuasa MBSA berperanan sebagai Institusi *Hisbah* yang menjadi sebahagian dari jentera pentadbiran Islam.

Metodologi Kajian

Dalam menyempurnakan kajian, penulis telah menggunakan dua kaedah iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

1) Kaedah Pengumpulan Data

Dalam mengumpulkan segala maklumat dan data-data yang berkaitan dengan kajian ini, penulis memperolehinya melalui dua kaedah iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

i. Penyelidikan Perpustakaan

Melalui kaedah ini, penulis mendapatkan maklumat melalui pembacaan teks-teks klasik dan semasa yang mana kebanyakan buku-buku tersebut di dalam Bahasa Arab. Terdapat juga sebahagiannya ditulis di dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Antara tempat-tempat yang menjadi tumpuan penulis bagi mendapatkan buku-buku tersebut ialah :

- a) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam U. Malaya.
- b) Perpustakaan Utama U. Malaya.
- c) Perpustakaan Awam, Pusat Islam K. Lumpur.
- d) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIA)
- e) Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- f) Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam.
- g) Perpustakaan UiTM, Kampus Seksyen 17, Shah Alam.

ii. Penyelidikan Lapangan

A) Kajian ini juga melibatkan kajian lapangan iaitu penulis membuat beberapa sesi temu bual sama ada secara lisan dan bertulis dengan beberapa individu yang berkaitan. Responden-responden dipilih berdasarkan keterlibatan mereka di dalam aktiviti penguatkuasaan di MBSA. Mereka terdiri dari Ketua Bahagian Penguat kuasa MBSA, Ketua Unit Pentadbiran, Bah. Penguat kuasa MBSA dan anggota-anggota penguat kuasa MBSA.

Manakala individu-individu lain juga dipilih sebagai responden adalah terdiri dari kalangan kakitangan MBSA dari Unit-Unit dan Jabatan-Jabatan lain yang mempunyai kaitan dengan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan oleh MBSA seperti kakitangan dari Unit Stor , Juruteknik-Juruteknik di Jabatan Bangunan dan Jabatan Perancangan Bandar. Setiap responden, penulis mengadakan sekali temu bual dan tujuan temu bual diadakan adalah untuk mendapatkan data-data dan fakta-fakta tambahan yang tidak terdapat di dalam dokumen-dokumen yang diperolehi dari pihak MBSA. Kaedah yang penulis gunakan dalam sesi temu bual tersebut ialah dengan mengajukan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan fakta dan maklumat yang ingin diperolehi dan seterusnya jawapan yang diberikan oleh responden dijadikan fakta asas untuk dianalisis.

Penulis juga melakukan temu bual secara rambang terhadap beberapa responden yang terdiri dari penjaja dan pemilik gerai di sekitar Shah Alam bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai isu-isu tertentu. Kaedah temu bual ini banyak digunakan di dalam Bab 3 khususnya di dalam perbincangan mengenai aktiviti-aktiviti Unit-Unit di Bahagian Penguatkuasaan MBSA.

B) Penulis juga membuat pengumpulan data secara observasi di mana penulis mengikuti dan memerhati operasi-operasi penguatkuasaan yang dilakukan oleh Bahagian Penguat kuasa untuk melihat dengan lebih dekat operasi-operasi yang dilakukan. Hasil dari observasi dan penyertaan penulis di dalam beberapa operasi, penulis dapat mengumpul beberapa maklumat penting bagi mengukuhkan fakta-fakta yang dikemukakan melalui metode dokumentasi seperti penggunaan budi bicara dan pengaplikasian konsep *Fiqh Awlawiyyat* di dalam operasi-operasi penguatkuasaan.

C) Selain dari dua kaedah di atas, penulis juga memperolehi data-data dari dokumen-dokumen yang diperolehi dari MBSA. Antara bahan-bahan yang diperolehi ialah laporan-laporan tahunan (dari tahun 1997 hingga tahun 2000) yang dikeluarkan oleh Jabatan Undang-Undang MBSA, Buku Panduan MBSA dan Buku Garis Panduan Permohonan Kelulusan Dan Piawaian Perancangan Jabatan Perancangan Bandar MBSA di mana sebahagian dari dokumen tersebut adalah dokumen dalaman yang tidak didedahkan kepada masyarakat awam. Melalui dokumen-dokumen ini penulis mendapat fakta-fakta penting terutamanya yang berkaitan dengan perlaksanaan aktiviti penguatkuasaan.

2) Kaedah Analisis Data

Sementara itu dalam rangka menganalisis dan menyusun data-data yang diperolehi, penulis telah menggunakan metode-metode berikut. :

i. Metode Induktif

Metode Induktif ialah satu kaedah di mana penulis akan mencari satu kesimpulan sesuatu perkara atau permasalahan melalui pengkajian data-data yang bersifat khusus, kemudian kesimpulan yang lebih umum dihasilkan berdasarkan data-data tersebut. Metode ini banyak digunakan di dalam Bab 3 khususnya di bawah tajuk Analisis Perlaksanaan *Siyāsah Syar'iyyah* di dalam aktiviti-aktiviti penguatkuasaan di mana penulis mengemukakan data-data khusus seperti bentuk-bentuk tindakan Bahagian Penguat kuasa MBSA dan kemudian dikemukakan pula fakta-fakta khusus mengenai kaedah-kaedah *ijtihad* dan *fiqh* untuk menghasilkan satu kesimpulan yang lebih umum iaitu

menilai sama ada tindakan tersebut bertepatan atau tidak dengan prinsip *Siyasah Syar'iyyah*.

ii. Metode Deduktif

Metode Deduktif pula adalah satu cara yang digunakan penulis untuk mencari kesimpulan yang lebih khusus terhadap sesuatu masalah berdasarkan pengkajian data-data yang bersifat umum. Sebagai contoh, metode ini boleh dilihat penggunaannya di dalam Bab 2 dan 4. Di dalam Bab 2 penulis mengemukakan fakta-fakta umum mengenai konsep *Hisbah* di dalam Islam dan penulis membuat rumusan bahawa institusi *Hisbah* adalah sebahagian dari agen pelaksana *Siyasah Syar'iyyah*. Begitu juga di dalam Bab 4 ketika mengemukakan rumusan-rumusan berkaitan dengan hubungan *Siyasah Syar'iyyah* dengan pemerintahan dan juga kesimpulan terhadap tindakan-tindakan penguatkuasaan sama ada ianya berbentuk pencegahan, pendidikan dan sebagainya.

iii. Metode Komparatif

Selain dari dua metode di atas, penulis juga menggunakan metode komparatif iaitu membuat perbandingan di antara data-data dan maklumat yang diperolehi untuk menghasilkan satu kesimpulan yang dianggap paling wajar dan relevan. Pemakaian metode ini boleh dilihat di dalam Bab 4 khususnya sewaktu penulis membincangkan persamaan-persamaan yang wujud di antara institusi *Hisbah* dengan Bahagian Penguat kuasa MBSA.

Hipotesis Kajian

Setiap tindakan pihak pemerintah adalah bermatlamat untuk mewujudkan kemaslahatan kepada rakyat jelata. Justeru itu pihak pemerintah terpaksa menggubal dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang tertentu di dalam negara agar matlamat itu tercapai. Dasar dan peraturan itu pula perlu dikuatkuasakan agar menjadi undang-undang yang dapat membentuk dan mengarahkan hala tuju dan tindakan rakyat agar selari dengan kehendak pihak pemerintah. Apabila matlamat ini menjadi fokus dan objektif setiap tindakan, maka ianya bertepatan dengan prinsip *Siyāsah Syar'iyyah*. Walau bagai mana pun ianya mestilah tertakluk kepada beberapa asas dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Islam. Perbahasan para ulama tentang kedudukan *Siyāsah Syar'iyyah* telah membuka ruang yang sangat luas kepada pihak berkuasa mengambil sebarang tindakan atas alasan mewujudkan kemaslahatan.

Walaupun begitu terdapat ramai di kalangan umat Islam yang masih keliru dan kurang faham terhadap maksud *Siyāsah Syar'iyyah* di sebalik tindakan-tindakan pihak berkuasa khususnya melalui badan-badan penguat kuasa dan seterusnya mempertikaikan kewajaran sesuatu tindakan yang dilakukan. Kajian ini akan cuba menghuraikan secara logik dan berlandaskan nas-nas dan fakta-fakta bagi membuktikan bahawa setiap tindakan yang bermatlamat untuk kebaikan dan memenuhi syarat-syarat tertentu seperti yang digariskan oleh Islam adalah bertepatan dengan kehendak *Siyāsah Syar'iyyah*.

Kajian Terdahulu

Berdasarkan kepada pembacaan penulis, tidak ditemui sebuah buku mahu pun sebarang penulisan yang khusus membincang secara akademik dan praktikal tentang penganalisisan pemakaian *Siyāsah Syar'iyyah* di dalam bidang penguatkuasaan. Namun begitu, penulis mendapati perbincangan-perbincangan yang dibuat hanya berkisar tentang persoalan-persoalan yang menyentuh tentang konsep dan perlaksanaan *Siyāsah Syar'iyyah* secara umum di dalam sistem pemerintahan Islam.

Terdapat beberapa penulisan akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda (B.A) yang membincangkan persoalan dan perlaksanaan *Siyasah Syar'iyyah* di dalam bidang pentadbiran di zaman Khulafa al-Rasyidin dan kerajaan-kerajaan Islam selepas itu. Namun begitu penulisan-penulisan tersebut tidaklah memfokuskan kepada penganalisisan secara khusus terhadap aspek *siyāsah* yang diketengahkan. Antara penulisan tersebut ialah *Konsep Dan Perlaksanaan Siyāsah Syar'iyyah Di Zaman Khalifah Abu Bakar* oleh Che Mohd Azam Che Din (1997), *Siyāsah Syar'iyyah : Konsep dan perlaksanaannya di zaman Saidina Umar* oleh Nazaruddin Hashim (1998) , *Konsep Dan Perlaksanaan Siyāsah Syar'iyyah Di Zaman Umar Abd. Aziz* oleh Che Hasin bin Che Lah (1998) dan beberapa penulisan lain. Di peringkat Sarjana mahu pun Ph.D, penulis masih belum menemui penulisan-penulisan yang berkaitan. Manakala buku-buku yang membincangkan perlaksanaan *Siyāsah Syar'iyyah* secara umum di dalam sistem pemerintahan Islam ialah *al-Ahkām al-Sultaniyyah* karangan al-Mawardi, *Ghiyāth al-Umam* Karangan al-Juwaini, *al-Siyāsah al-Syar'iyyah wa al-Fiqh al-Islāmi* oleh 'Abd al-Rahman Tāj dan beberapa penulisan lain.

Selain dari penulisan yang berkisar tentang konsep *Siyāsah Syar'iyyah* di dalam sistem pemerintahan Islam, terdapat juga beberapa penulisan yang menyentuh tentang konsep *al-Hisbah* sebagai badan yang bertanggungjawab menguatkuaskan undang-undang. Penulisan akademik yang penulis temui berkaitan dengan Institusi *al-Hisbah* ialah sebuah thesis Ph.D. yang ditulis oleh Ahmad Che Yaacob yang bertajuk *The Development of the Theory of the Institution of the Hisbah in Medieval al-Islam* (1996). Thesis PhD di Universiti Edinburgh ini berkisar mengenai perkembangan institusi *al-Hisbah* di zaman pertengahan Islam. Kajian tersebut juga menyentuh tentang aktiviti-aktiviti *Hisbah* yang menyerupai dengan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan di zaman moden yang hampir sama dengan subjek kajian penulis. Walaupun tanpa penganalisisan dari perspektif *Siyasah Syar'iyyah*, tulisan tersebut banyak membantu penulis di dalam menyiapkan kajian ini. Terdapat sebuah buku yang cuba mengait dan menyesuaikan peranan *Hisbah* dengan sistem pengurusan moden iaitu buku yang bertajuk *Hisbah dan Pentadbiran Negara* oleh Auni bin Haji Abdullah (2000). Selain dari penulisan-penulisan di atas, terdapat banyak lagi buku-buku yang membincangkan persoalan *Hisbah* menurut perspektif Islam antaranya ialah *al-Hasbah fī al-Islām* karangan Ibrahim Dasuqi Syahawi, *Wilāyah al-Hasbah fī al-Islām* oleh Dr. Abdullah Muhammad Abdullah, *al-Hasbah wa al-Muhtasib fī al-Islām* oleh Ziadeh Nicola dan banyak lagi. Penulisan-penulisan ini juga hanya mengupas dan membincangkan secara umum tentang konsep *al-Hasbah* di dalam Islam serta prosedurnya tanpa menyentuh secara mendalam bagaimana proses dan perlaksanaannya dilakukan. Perbincangan tentang prosedur *Hisbah* juga dibuat oleh Imam al-Ghazali di dalam Kitab *Iḥyā'* juzuk kedua. Namun begitu penulis tertarik dengan buku yang dikarang oleh Badriah binti Sa'ud yang pada asalnya

sebuah tesis M.A di sebuah universiti di Arab Saudi. Buku beliau yang bertajuk *Fiqh Inkār al-Munkar* membincangkan persoalan yang berkaitan dengan penguatkuasaan oleh badan penguat kuasa terhadap perkara-perkara mungkar. Perbincangan beliau termasuklah kepentingan melaksanakan *Amr Ma'rūf wa Nahyy Munkar*, syarat-syarat kemungkaran yang perlu dibanteras, Institusi *Hisbah* sebagai pihak yang bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan bagi membasmi kemungkaran, prosedur penguatkuasaan dan bentuk-bentuk kemungkaran yang perlu dibanteras. Walaupun begitu, penulisan beliau tidak mengaitkan dengan perlaksanaan *Siyāsah Syar'iyyah* di dalam bidang penguatkuasaan.

Terdapat satu penulisan yang menarik perhatian, dan penulis merasakan bahawa terdapat perkaitan dengan tajuk yang diperbincangkan di dalam kajian ini. Buku yang bertajuk *Siyāsah Syar'iyyah fī Dhū'i Nusūs al-Syari'ah wa Maqāsidiha* oleh Yusuf al-Qārādawī, di mana beliau membincangkan kaitan antara perlaksanaan *Siyāsah Syar'iyyah* di dalam bidang penguatkuasaan. Kaitan yang beliau maksudkan ialah kepentingan memelihara keutamaan (*Fiqh Awlawiyyat*) di dalam tugas-tugas penguatkuasaan. Beliau juga membincangkan tentang pandangan-pandangan dan tindakan-tindakan pihak pemerintah wajib diikuti dan ditaati atau tidak. Perbincangan di dalam isu ini berkait rapat dengan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang dilakukan oleh Bahagian Penguat kuasa MBSA di dalam tindakan-tindakan mereka menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang diputuskan oleh pihak pemerintah.